

Kita kerugian Singapura lengahkan rundingan harga air

OM 29 JAN 1992
KUALA LUMPUR 28 Jan. — Malaysia terpaksa menanggung kerugian ekoran tindakan Singapura melengahkan rundingan berhubung penetapan kadar baru harga air mentah yang dibeli oleh negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sudah sekian lama menerima bayaran yang rendah daripada pembekalan air mentah ke negara itu, dan sudah sepatutnya mengenakan kadar baru yang lebih munasabah.

“Apabila Singapura melengahkan rundingan dan enggan menerima permintaan kita pada kadar harga berpatutan yang bukannya RM8, ini bermakna kita kehilangan wang setiap hari,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Hari Kualiti dan Program Sehari Bersama Pelanggan Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas perkembangan rundingan di antara Malaysia dan Singapura berhubung penetapan kadar harga baru air mentah yang masih belum selesai.

Menurut Dr. Mahathir, berdasarkan kadar harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) air mentah yang dijual kepada Singapura sekarang, amat jelas Malaysia dibayar terlalu murah berbanding kadar RM8 untuk jumlah sama yang dikenakan oleh China ke atas Hong Kong.

Disebabkan itu, katanya, Singapura memang sedia maklum mengenai hasrat kerajaan Malaysia untuk menyelesaikan isu itu dengan segera.

Beliau berkata, kerajaan mahu mesyuarat di peringkat pegawai menangani segala perincian mengenai perkara itu.

“Apa yang kita tahu, kita mengenakan tiga sen setiap 1,000 gelen air mentah.